



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: **400-12/9/(5)**

Tarikh : **21 Mac 2016**

Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Badan-badan Berkanun Negeri

Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Semua Presiden Majlis Perbandaran

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah , Pejabat Daerah Kecil

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN LEJAR SUBSIDIARI AKAUN DEPOSIT KOD K74

Dengan sukacitanya dimaklumkan pelaksanaan Lejar Subsidiari Akaun Deposit Kod K74.

2. **Lejar Subsidiari Akaun Deposit K74** adalah sebagai pelengkap kepada jumlah deposit terkumpul yang terdapat di Lejar Perbendaharaan Am dibawah nama Kementerian/Jabatan masing-masing. Lejar Subsidiari ini bertujuan untuk memudahkan Pegawai Pengawal mengenalpasti baki deposit bagi setiap Pendeposit dan memantau Akaun Deposit Kod K74 dibawah kawalannya.

2/.



RUJUKAN: 400-12/9/()

TARIKH: 21 MAC 2016

**TAJUK: PELAKSANAAN LEJAR SUBSIDIARI AKAUN DEPOSIT KOD
K74**

3. Maklumat pendeposit di Lejar Subsidiari Akaun Deposit Kod K74 adalah berdasarkan senarai pendeposit yang disediakan oleh Kementerian dan Jabatan. Pihak Jabatan Bendahari Negeri bertanggungjawab untuk menyediakan **Kod Subsidiari Akaun Deposit** bagi setiap Pendeposit. Kod ini akan digunakan apabila menyediakan baucer bayaran di mana ada potongan(Kredit) untuk bayaran Deposit ataupun apabila mengakui terima Deposit melalui resit rasmi atau apabila membuat atau bayaran balik (Debit) wang deposit kepada Pendeposit.
4. Untuk memastikan tujuan pelaksanaan Lejar Subsidiari Akaun Deposit K74 berjaya sepenuhnya, Kementerian/Jabatan dikehendaki **mengemukakan Senarai Pendeposit** supaya Pihak Jabatan Bendahari Negeri(JBNS) dapat **menyediakan Kod Subsidiari Akaun Deposit** bagi setiap Pendeposit. Bagi Kementerian/Jabatan yang **belum** mengemukakan maklumat senarai pendeposit, nama Kementerian/Jabatan berkenaan akan digunakan sebagai **nama pendeposit** dalam Lejar Subsidiari tersebut.
5. Pelaksanaan Lejar Subsidiari Akaun Deposit Kod K74 akan berkuatkuasa mulai dari **Akaun bulan Januari 2016**. Lejar Subsidiari akan dikemukakan kepada Kementerian/Jabatan untuk disesuaikan dengan **Buku Daftar Akaun Deposit K74** Jabatan/Kementerian.
6. Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk memastikan butiran dalam Lejar Subsidiari Akaun Deposit K74 adalah sama dengan butiran dalam Buku Daftar Akaun Deposit Jabatan/Kementerian.
7. Jika terdapat sebarang pertanyaan, YBhg.Datuk/Datin/Tuan/Puan boleh berhubung terus dengan Penolong Bendahari Negeri(PBN/PAA) atau Akauntan/PAA melalui talian terus 088-252279/088272521.

Sekian, terima kasih dan harap maklum.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’


(CHUI NGAI)
Bendahari Negeri

RUJUKAN: 400-12/9/()

TARIKH: 21 MAC 2016

**TAJUK: PELAKSANAAN LEJAR SUBSIDIARI AKAUN DEPOSIT KOD
K74**

s.k. Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88593 KOTA KINABALU.

Pengarah Audit Negeri Sabah
Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Sabah
Aras 4, Blok A
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah, Jalan UMS
88450 KOTA KINABALU